

# Dari Sebulan ke Sebulan

Sayyid Alwi al-Hadi, di dalam surat terbukanya kepada ulama-ulama, menunjukkan sangat-sangat dukacitanya bahawa sekalipun Islam telah menjadi agama rasmi di Persekutuan namun perpecahan di antara penganut-penganutnya semakin menjadi-jadi – kafir mengkafirkan semakin berlaku. Ini benar! Tetapi jika hanya sifat-sifat kita hanya menunjukkan salah sahaja – tidak mau bekerja supaya orang sedar maka surat terbuka seperti itu tidak ada ertinya – hanya menunjukkan ini salah, itu salah, ini tak betul, itu betul, ini mesti buat, itu mesti buat sedang kita sendiri tidak mau bertanggungjawab dan berkorban melaksanakan tujuan itu maka jadilah kita seperti kata “mereka hanya berkata tetapi mereka tidak beramal”. Beramal Tuan Syed! Ikutilah jejak baik dari almarhum ayahanda Tuan almarhum al-Sayyid Shaykh al-Hadi! Beramal dan bekerja menyampaikan seruan *ittiba’u al-sunnah*. Tidakkah Tuan malu berkata-kata dengan tidak beramal?

\* \* \*

Di dalam surat terbuka al-Hadi ini ada suatu perkataan yang menjadi tanda tanya pembaca-pembaca iaitu “bahawa ada di antara yang mereka kafirkan itu yang telah termasyhur di serata alam dunia sebagai **puak-puak atau pertubuhan-pertubuhan penyeru Islam** yang masyhur, yang telah menyeru di pusat negeri-negeri daripada bangsa-bangsa yang beragama Masihi dan lain-lain agama, dan telah berjaya bukan sahaja mendirikan masjid dan sekolah-sekolah, bahkan telah mengislamkan kebanyakan daripada orang-orang yang berpengetahuan tinggi seperti doktor, profesor dan ahli sains, dan orang-orang yang berpangkat tinggi seperti *Lord* dan ketua-ketua gereja pun ada, dan juga daripada ahli-ahli hartawan. Adakah boleh **masuk pada akal yang siuman** mereka ini boleh

siapa mengkafirkan!!” Siapakah yang dituju oleh al-Hadi? **Qadianikah?** Orang Islam mengetahui baik keyakinan-keyakinan yang ada, dan pada akhir zaman, kata Nabi ada banyak firqah-firqah umatnya. Banyak orang berpengetahuan “masuk Islam” bukannya soal tetapi yang dikehendaki Islam seseorang dengan beramal. Perpecahan umat Islam terjadinya kerana banyak firqahnya, banyak khurafat-khurafat yang timbul di dalamnya yang telah ditanam oleh penjajahan beratus-ratus tahun sehingga umat Islam mudah ditindas dan diperalat. Sehingga pemuda-pemuda berasa bahawa *talabu al-ilm* itu tidak wajib – segala tanggungjawab agama hanya di atas tengkuk ulama!

Sebab keadaan inilah maka kesedaran timbul – dan di Malaya dibina oleh almarhum-al-marhum Shaykh al-Hadi, al-Shaykh Tahir Jalaluddin dan lain-lainnya, bekerja, berjihad maju ke tengah menyedarkan umat supaya berbalik kepada kitab Allah dan al-sunnah! Tetapi kalau hanya berpesong dan menyeru manusia kepada Nabi yang lain, apakah itu yang mesti diikuti? Yang berpesong-pesong dan berputar belit mesti diikuti? Berjihadlah seperti jihad ayahanda Tuan dan rakan-rakannya wahai Tuan Sayyid Alwi al-Hadi – jangan banyak bercakap tetapi beramal, berjuang terus-menerus tidak mempedulikan apa yang orang hendak katakan! Berusahalah menyatukan umat pada jalan Allah dan panduan Rasul-Nya (S.A.W.) itu lebih baik daripada menggantungkan usaha kepada orang lain, mengharap orang lain bekerja tetapi sendiri berpeluk tubuh.

\* \* \*

Sandiwara Radio “Ketuhanan” yang disiarkan oleh Radio Singapura, telah menaikkan kemarahan pemeluk-pemeluk agama Islam Di seluruh Singapura. Cerita itu menyesatkan, kata PERGAS.

Majlis Islam Penasihat Kerajaan membantah sekeras-kerasnya kepada Kementerian Kebudayaan yang menyiarkan cerita yang menghina Islam itu. Jamiyah menuntut jaminan kerajaan supaya keadaan seperti itu tidak berlaku lagi. Adakah ini hanya ribut dalam cawan teh sahaja, seperti kata golongan-golongan Radio Singapura dan golongan-golongan yang menyebelahnya?

Ini perkara menghina al-Qur'an, dan menghina Tuhan! Cerita ini pula ulangnya disiarkan pula di Persekutuan! Mufti-mufti di Persekutuan nampaknya sebak! Ustaz Albar tidak berbunyi! Pemegang mohor kerajaan Persekutuan diam tetapi dahulu tentang kitab *Ibadat Rasulullah* yang tidak sedikit pun menghina agama bahkan berpegang terus kepada dasar al-Qur'an, ribut mereka bermusyawarah! Apakah mufti-mufti di pejabat agama itu selalu berdasar "kena mata dipicingkan, kena perut dikempiskan?" *Wa Allāhu a'lam.*

\* \* \*

Apabila Islam mundur, maka kesalahan-kesalahan ditimpakan oleh pemuda-pemuda seperti golongan Rahman B itu ialah kepada ulama semata. Ini ialah pandangan orang yang jahil atau orang-orang yang hanya kulitnya sahaja yang beragama Islam tetapi hatinya.. *wa Allāhu a'lam.* Mereka lupa bahawa kewajipan mereka belajar dan daripada pelajaran yang didapati beramal dan diseru berjihad menjalankannya. Kewajipan ini diletakkan kepada tiap-tiap orang – tidak pilih muda dan tua. Tiap-tiap orang diseru menjalankan dakwah Islam – tidak dakwah itu ditentukan hanya ulama yang menjalankan dan mengusahakannya. Sebab itu belajarlah agama sebelum berkata-kata kerana berkata dengan tidak berpengetahuan itu jahil namanya, lebih-lebih lagi kalau ia buta agama langsung lalu hendak memperkatakan agama maka orang itu disebut *jāhil murakkab.*

\* \* \*

Mufti Johor, di dalam permulaan fatwanya mengenai pertanyaan Haji Ibrahim bin Hasan, perkara-perkara mengenai dalam loteri di antara lain-lain berkata: "..... akan tetapi

manakala kita memfatwakan dengan hukum-hukum masalah ini (yang berkaitan dengan loteri – P.), setengah-setengah orang yang mendakwakan **dirinya orang yang berilmu padahal kosong** telah mengata-ngata kepada kita dan tidak pula membahas, dan mutalaah kepada kitab-kitab yang tersebut." dan pada lain bahagian beliau berkata: "..... saya meninggalkan jawapan daripada setengah-setengah masalah ialah kerana takut daripada kekeliruan orang-orang jahil yang tertipu dirinya dengan sangkaan mereka bahawa merekalah ulama."

Daripada perkataan beliau ini seolah-olah beliau menepuk dada di hadapan umum bahawa hanya beliau seorang di dalam dunia ini yang alim di dalam segala ilmu – orang lain tidak boleh membahas. Beliau sahaja seorang ulama yang segala hukum yang diberinya muktamad – tidak boleh di-*tirād!* Adakah sifat yang seperti ini ada di dalam Islam? Tidakkah 'Umar ibn al-Khaṭṭāb pernah di-*tirād* oleh orang-orang awam dan Khalifah al-Muminīn itu rujuk apabila beliau mendapati teguran itu benar?

\* \* \*

Albar telah membidas orang-orang yang mengkritik loteri kebajikan di dalam sebuah masjid yang dibina sebahagiannya daripada wang hasil loteri! Syabas Albar! Dahulu beliau meninggalkan UMNO kerana persoalan loteri UMNO, sekarang beliau di dalam kerajaan berlainan pula pendapatnya, kerana loteri itu untuk kebajikan ianya jadi halal!

*Mā shā'a Allāh!*

Orang-orang mesti ingat bahawa turun hukum mengharamkan loteri itu adalah bersebab terbit daripada sepuluh cabutan menyembelih unta yang diberi nama hanya tujuh sedang yang tiga tidak. Kalau orang yang mencabut tiga yang tidak bernama maka ialah akan membayar harga unta itu. Unta-unta itu dipotong dan dibahagikan kepada fakir sebagai kebajikan. Apakah ini ada bezanya dengan loteri kebajikan yang ada sekarang? Loteri diadakan dengan sengaja, wang loteri dikumpul sendirinya dijaga oleh suatu pengawal yang mengawal wang-wang

hasil daripada loteri itu. Apakah ini bukan suatu judi yang disengaja, wang hasilnya tidak bernama wang khazanah kerajaan tetapi wang hasil daripada loteri! Fikirlah baik-baik Bung, kita akan bertanggungjawab nanti di hadapan Tuhan!

\* \* \*

Mufti Johor, Tuan Syed Alwi al-Haddad, tatkala menyambut tulisan al-Hadi, menyatakan yang beliau yang bersedih hati atas kenyataan al-Hadi bahawa ada orang-orang mengkafirkan

orang-orang Islam dan orang-orang itu telah mengkafirkan ayahandanya pada masa dahulu. Mendengar ini ada orang yang tersenyum sambil bertanya bagaimana pula Mufti Johor telah mengkafirkan Kaum Muda padahal mereka mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan sembahyang (berjemaah dengan imam-imam yang bermazhab) berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan fardu haji sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Islam. Mereka berselisih hanya di dalam perselisihan yang ada di dalam perpegangan mazhab yang empat (*Ahl al-Sunnah*). Apakah pula hujah beliau dalam perkara ini?



*Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj sedang disambut dengan meriahnya di Kuala Lumpur setibanya dari London pada bulan yang lalu.*